

# Bayi ditemui basah dalam semak

**IPOH** - Keprihatinan orang awam di Pusat Perniagaan Medan Ipoh di sini berjaya menyelamatkan nyawa seorang bayi perempuan yang ditinggalkan di dalam semak berdekatan sebuah pusat beli-belah di sini kelmarin.

Bayi perempuan seberat 2.8 kilogram yang hanya dibalut dengan sehelai kain itu ditemui basah kuyup dan tidak bermaya selepas dipercayai ditinggalkan beberapa jam sebelum ditemui.

Timbalan Pengarah Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Dr. Raimi Goon berkata, bayi yang cukup sifat itu telah dihantar ke hospital itu pada pukul 8 malam.

"Pemeriksaan mendapati bayi itu dilahirkan cukup bulan," kata beliau ketika ditemui *Kosmo!* di Wad 6, HRPB, tempat bayi malang tersebut ditempatkan.



**BAYI** perempuan ditemui dalam semak di Ipoh semalam.